

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status menara-menara komunikasi di bawah Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dikatakan masih dalam peringkat pelaksanaan di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membuat perancangan dan kini sedang melaksanakan pelan pembangunan infrastruktur komunikasi yang dinamakan **Jalinan Digital Negara (JENDELA)** bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi demi kehidupan rakyat dari aspek sosio-ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Pelaksanaan pelan JENDELA Fasa 1 yang bermula pada September 2020 memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaiktaraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Pencapaian JENDELA suku kedua 2021 adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 22

- a. Penambahan sebanyak 1.1 juta premis daripada 4.95 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.05 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik;
- b. Kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25Mbps kepada 26.03Mbps;
- c. Peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 94.03% di kawasan berpenduduk; dan
- d. hampir 1 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan lebih 39,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambilkira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar yang menggunakan peruntukan komersil dan pihak Kerajaan. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 693 stesen pemancar telah siap dinaiktaraf kepada teknologi 4G di seluruh negara. Manakala, sebanyak 362 menara baharu akan dibina menjelang penghujung 2022 yang akan meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Selain itu, sebanyak 1,661 menara baharu akan dibina di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara dengan pelantikan Penyedia Perkhidmatan Sejangat yang Dilantik atau *Designated Universal Service Provider* untuk melonjakkan lagi kadar liputan 4G kepada 96.9% di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia. Kerja-kerja pembinaan menara dijangka dapat dimulakan pada suku pertama tahun 2022.

Kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak serta perkampungan Orang Asli turut diberi keutamaan melalui penyediaan perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit. Bagi tujuan ini, sebanyak 839 lokasi di seluruh negara telah dikenalpasti bagi memastikan ianya dapat memberikan liputan jalur lebar di kawasan-kawasan yang sukar diakses dengan teknologi gentian optik dan mudah

SOALAN NO : 22

alih. Inisiatif ini dijangka bermula pada penghujung tahun 2021 dan disiapkan pada awal tahun 2022.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

Menerusi portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, maklumat yang diperolehi daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Kerjasama serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak adalah penting bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan Aspirasi Nasional dapat dicapai.